

Analisis Kadar Pulangan Pendidikan Mengikut Aliran Pendidikan di Negeri Selangor

Muhammad Ziyad Izdihar bin Lim
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
ziyadlim78@gmail.com

ABSTRAK

Kertas ini bertujuan untuk menganalisis kadar pulangan pendidikan mengikut aliran pengajian di negeri Selangor dalam sektor swasta. Analisis dalam kertas ini menggunakan data 120 pekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan dan diperoleh melalui borang soal selidik. Berdasarkan penganggaran model persekolahan Mincer (1974), didapati bilangan tahun bersekolah dan pengalaman kerja adalah signifikan dalam mempengaruhi tingkat upah. Hasil kajian menunjukkan tambahan satu tahun persekolahan akan meningkatkan kadar upah sebanyak 14.45% manakala tambahan satu tahun pengalaman kerja akan meningkatkan kadar upah sebanyak 10.19%. Namun begitu, kajian ini mendapati aliran pengajian adalah tidak signifikan dalam mempengaruhi upah pekerja.

Kata kunci: kadar pulangan persekolahan; pelaburan pendidikan; aliran pendidikan.

ABSTRACT

This paper intends to analyse the rate of return to schooling in private sector according to the field of study in the state of Selangor. Analysis of this paper employs data from 120 workers in the various private sector through questionnaires. Based on the Mincer (1974) estimation schooling model, it is found that years of schooling and working experience is important in influencing salary level. Result of study shows that the rate of return of schooling for employees will be increasing to 14.45% and 10.19% for every increment of years of schooling and working experiences respectively. Nonetheless, this study finds that the field of study is insignificant in influencing the workers' salary.

Keywords: schooling rate of return, education investment, education stream

PENGENALAN

Peranan pendidikan dalam pembangunan negara adalah amat penting. Pendidikan telah dijadikan alat bagi mencapai perpaduan untuk mengurangkan polarisasi kaum, pembentukan sikap kenegaraan, melahirkan generasi yang berilmu dan berdaya saing di samping membentuk insan yang seimbang dan harmonis. Pendidikan telah diberikan perhatian utama, sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ia telah menjadi alat oleh kerajaan bagi mencapai keseimbangan pembangunan antara kaum, wilayah dan negeri di Malaysia, terutama melalui Dasar Ekonomi Baru tahun-tahun 1970an.

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di Malaysia meletakkan pendidikan sebagai alat penting dalam usaha membanteras kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Tujuan pendidikan dalam DEB ialah untuk merapatkan perbezaan jurang pendidikan dan ekonomi antara komuniti Bumiputera dengan komuniti bukan Bumiputera. Malah, pendidikan dan latihan juga diharapkan dapat mempercepatkan pencapaian objektif DEB dan seterusnya Dasar Pembangunan Nasional (DPN) berdasarkan penetapan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan pelbagai program pembangunan pendidikan untuk melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, celik IT, berkemahiran dan berakhlak mulia. Dalam masa yang sama perhatian perlu diberikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan setanding dengan piawai antarabangsa. Untuk itu, pihak kerajaan telah memberi pelbagai insentif subsidi berbentuk bantuan kewangan seperti biasiswa dan pinjaman kepada para pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi.

Ini disebabkan kos mengikuti pengajian di IPTA mahupun Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) memerlukan modal yang begitu tinggi dan pelaburan dalam bidang pendidikan pada tahap ini

sangat penting dalam meningkatkan milikan modal manusia yang dapat menjamin seseorang mendapat pekerjaan. Malah diwujudkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk membantu pelajar membuat pelaburan dalam pendidikan bagi memperoleh prospek pekerjaan yang lebih baik. Bagi meningkatkan daya saing negara selaras dengan tuntutan global, program pendidikan yang berasaskan sains dan teknologi juga turut diberi penekanan menyeluruh dan pihak kerajaan telah mensasarkan 60:40 pelajar aliran sains kepada pelajar aliran sastera. Matlamat kerajaan ini secara tidak langsung akan mewujudkan lebih ramai lagi graduan serta tenaga mahir dalam bidang sains dan teknologi untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berasaskan pengetahuan (k-economy). Bagi mencapai matlamat ini, enrolmen pelajar untuk mengikuti aliran sains dan teknologi telah bermula seawal peringkat sekolah menengah sehinggalah ke peringkat program ijazah pertama. Sasaran untuk meningkatkan enrolmen ini telah dilakukan secara berperingkat di semua IPTA (Hamiza Ghani, Rahmah Ismail, Ishak Yusoff, 2009).

PENYATAAN MASALAH

Banyak pandangan dan pendapat umum menyatakan bahawa jenis aliran pendidikan dan pengajian yang dipilih (di peringkat sekolah atau universiti) akan menentukan jenis pekerjaan dan kadar upah semasa memasuki pasaran buruh. Mereka yang memilih aliran sains dan teknikal dikatakan akan mendapat pendapatan yang lebih tinggi daripada mereka di bidang sastera atau sains sosial. Justeru kajian ini akan melihat perkaitan antara aliran pendidikan dan kadar upah yang diterima oleh pekerja di pasaran dan samada pekerja yang pernah mengikuti aliran pendidikan sains tulen atau teknikal memperoleh pendapatan yang lebih tinggi dari aliran pendidikan yang lain.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Analisis kadar pulangan pendidikan merupakan antara isu utama yang sering mendapat tumpuan para penganalisis di serata dunia. Antara mereka yang pernah membuat kajian berkaitan isu ini ialah Psacharopoulos (1987, 1994), Ghosh (1999), Ashenfelter dan Mooney (1971), serta Thias dan Carnoy (1972). Contohnya, kajian yang dilakukan oleh Psacharopoulos (1987) mendapati kadar pulangan pendidikan di beberapa benua terpilih bagi golongan yang mendapat pendidikan di sekolah umum mempunyai kadar pulangan yang lebih tinggi berbanding pelajar yang mendapat pendidikan vokasional. Malahan, kadar pulangan sosial di negara-negara membangun juga lebih tinggi berbanding negara maju, khususnya di peringkat sekolah rendah.

Kajian berkenaan kadar pulangan sosial yang dilakukan oleh Thias dan Carnoy (1972) di Kenya pada tahun 1968 pula membabitkan peringkat penca- paian pendidikan dan tempoh masa persekolahan pelajar. Hasil keputusan kajian, didapati kadar pulangan sosial pelajar sekolah rendah adalah jauh lebih tinggi berbanding pelajar sekolah menengah mahupun pelajar universiti terutamanya yang membabitkan tempoh masa persekolahan lima hingga tujuh tahun. Sementara kadar pulangan sosial adalah paling rendah di peringkat tertiar.

Kajian yang dilakukan oleh Rahmah Ismail (1987) di Malaysia yang menggunakan data Penyiasatan Kehidupan Keluarga (1977- 1977), telah menganggarkan persamaan regresi modal manusia dengan memasukkan pemboleh ubah patung (dummy) bagi jenis pendidikan, aliran pengantar pendidikan, keturunan, lokasi, sektor dan taraf pekerjaan. Keputusan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, kadar pulangan pendidikan berada dalam lingkungan 8 hingga 11% (bergantung pada jenis sampel). Pekerja yang berkelulusan sekolah pengantar bahasa Inggeris didapati menerima perolehan sekurang-kurangnya 17% lebih tinggi daripada aliran lain.

Pulangan terhadap pelaburan pendidikan telah dibuktikan berbeza mengikut disiplin pengajian yang berbeza. Kajian di Australia menunjukkan kadar pulangan graduan kejuruteraan (10.8%) adalah lebih rendah berbanding graduan bidang perniagaan, undang-undang dan ekonomi (18.4 %). Sementara para graduan dalam bidang seni, kemanusiaan dan sains sosial menerima pulangan yang lebih rendah, iaitu sekitar 3.6% sahaja (Johnson & Wilkins 2002).

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, tahap pendidikan dan kelulusan akademik memberi impak dalam kadar upah. Namun jenis aliran pendidikan di peringkat sekolah menengah dan tertier dikatakan

turut mempengaruhi kadar upah yang diterima oleh seseorang individu apabila memasuki pasaran kerja.

Justeru, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

i. Mengkaji sekiranya wujud pengaruh aliran pendidikan terhadap pulangan pendidikan

Kajian ini menumpukan kepada pekerja di sektor swasta sahaja.

HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah dan kajian-kajian lepas yang telah diperhatikan, hipotesis kajian ini telah dibentuk. Hipotesis kajian ini dibina untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

H₀ : Tidak terdapat pengaruh antara jenis aliran pendidikan dengan pendapatan

H₁: Terdapat pengaruh antara jenis aliran pendidikan dengan pendapatan

METODOLOGI KAJIAN

Untuk menganalisis kadar pulangan terhadap pendidikan, pendekatan yang digunakan ialah berdasarkan kepada Model Persekolahan Mincer. Model ini diilhamkan oleh Mincer (1974) dan menerangkan tentang pelaburan modal manusia dalam sektor pendidikan dan pulangan dalam bentuk pendapatan upah atau gaji. Model ini juga menunjukkan hubungan antara persekolahan, pendapatan dan pelaburan selepas sekolah dalam modal manusia. Dalam rangka kerja fungsi perolehan, kadar upah diandaikan bergantung kepada tahap persekolahan, latihan sambil kerja dan pengalaman.

Persamaan asas Model Persekolahan Mincer (1974) adalah seperti berikut :

$$\ln W_i = \beta_0 + \beta_1 S_i + \beta_2 EXP_i + \beta_3 EXP_i^2 + \varepsilon$$

dengan,

$\ln W$ = logaritma asli upah bulanan

S = Tahun bersekolah

EXP = Pengalaman kerja

EXP^2 = Pengalaman kerja yang dikuasaduakan

β = parameter yang dianggarkan

ε = Ralat rawak

i = individu

Untuk menganalisis kadar pulangan persekolahan berdasarkan aliran pendidikan, 2 pemboleh ubah *dummy* iaitu aliran sains =1, aliran teknikal=1 dan lain-lain =0 dimasukkan dalam model asas Mincer, iaitu untuk menilai hubungannya dengan upah individu. Ini bertujuan untuk menilai sejauhmana aliran pengajian terutamanya sains dan teknikal mempengaruhi upah responden yang dikaji. Ini kerana secara teorinya, individu yang mengikuti aliran pendidikan sains atau teknikal mempunyai peluang pekerjaan dan kadar upah yang lebih baik berbanding aliran lain. Aliran sains sosial digabungkan dengan aliran lain-lain yang dianggap kurang mempunyai peluang untuk mendapatkan upah yang lebih baik berbanding aliran sains dan teknikal.

$$\ln W = \beta_0 + \beta_1 S_i + \beta_2 EXP_i + \beta_3 EXP_i^2 + \beta_4 D_1 + \beta_5 D_2 + \varepsilon$$

dengan,

$\ln W$ = logaritma asli upah bulanan

S = Tahun bersekolah

EXP_i = Pengalaman kerja individu

EXP_i^2 = Pengalaman kerja yang dikuasaduakan

β = parameter yang dianggarkan

D_1 = dummy aliran pendidikan sains (aliran sains =1, lain-lain=0)

D_2 = dummy aliran pendidikan teknikal (aliran teknikal=0, lain-lain =0)

Data primer diperoleh melalui borang soal selidik terdapat 120 sampel responden diperoleh hasil temubual secara langsung dan melalui kaedah edaran ke firma-firma di sekitar bandar Selangor. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 21.0

KEKANGAN KAJIAN

Kajian ini hanya meliputi 5 bandar di kawasan Selangor iaitu Shah Alam, Klang, Bandar Baru Bangi, Kajang dan Seri Kembangan. Sebanyak 120 sampel responden diperoleh melalui borang soal selidik daripada keseluruhan 130 borang. 10 borang soalselidik samada rosak atau tidak dipulangkan oleh responden. Memandangkan tempoh masa kajian adalah singkat, maka proses pengumpulan data melalui borang soalselidik ini hanya mengambil tempoh 7 hari.

DATA KAJIAN/ SKOP KAJIAN

Analisis dalam kajian ini adalah berasaskan data primer yang diperolehi melalui hasil soal selidik ke atas 120 orang responden pekerja dalam sektor swasta. Mereka ini adalah terdiri daripada pekerja profesional dan bukan profesional yang bekerja di sekitar bandar di negeri Selangor. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden di bandar Shah Alam, Klang, Bangi, Kajang dan Seri Kembangan yang dikategorikan sebagai bandar yang pesat membangun. Justeru, sampel responden yang dipilih dapat meliputi pelbagai sektor pekerjaan, kategori profesion, kelulusan akademik dan sebagainya yang berkaitan dengan pemboleh ubah yang hendak diuji.

Skop kajian adalah untuk menganalisis pengaruh aliran pendidikan yang diikuti oleh pekerja semasa tahun bersekolah terhadap kadar upah yang diterima oleh mereka semasa bekerja.

Profil Responden

Secara umumnya, daripada 120 responden yang dikaji, 56.7% adalah pekerja lelaki manakala selebihnya 43.3% adalah pekerja wanita. Dari segi struktur umur pula, **Jadual 1** menunjukkan sebahagian besar responden (51.7%) berada di lingkungan umur antara 25-34 tahun. Hanya 3.3% responden yang berumur melebihi 45 tahun. Sebahagian besar responden yang dikaji mempunyai kelayakan samada peringkat diploma (29.2%) atau ijazah pertama dan ke atas (33.3%). Manakala bagi data aliran pendidikan pula, pekerja yang pernah mengikuti aliran sains sosial adalah yang paling ramai iaitu sebanyak 53 responden atau 44.2%, diikuti oleh lain-lain aliran pendidikan seperti Teknologi Maklumat, Perakaunan, Seni Tukangan, dan sebagainya sebanyak 26.7%. Seramai 22 orang atau 18.3% pekerja pula pernah mengikuti aliran pendidikan sains dan selebihnya ialah pekerja yang pernah mengikuti aliran pendidikan teknikal (10.8%). Kepelbagaian responden yang mengikuti pelbagai aliran pendidikan ini amat sesuai untuk dijadikan data input untuk kajian ini yang memfokuskan kepada pulangan pendidikan mengikut aliran pendidikan.

HASIL /DAPATAN KAJIAN

Daripada data soal selidik yang telah diperoleh, analisis dan ujian regresi dilakukan. Pendapatan individu (Y) di Ln dan dummy aliran pendidikan digunakan untuk pemboleh ubah jantina. Model kajian ini mengadaptasi cara pengiraan dummy untuk aliran pendidikan.

Nilai R dan R²:

Nilai output R dan R² ditunjukkan berdasarkan ringkasan model daripada hasil regresi di atas, hasil. Nilai R adalah korelasi antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar manakala nilai R² menerangkan sumbangan pemboleh ubah tidak bersandar terhadap variasi yang wujud dalam pemboleh ubah bersandar. Daripada nilai R² yang diperoleh, iaitu 0.344, menunjukkan bahawa sebanyak 34.4% variasi Ln pendapatan dapat diterangkan oleh pemboleh ubah tahun bersekolah, pengalaman kerja, pengalaman kerja yang dikuasakuakan, aliran pendidikan sains dan aliran pendidikan yang lain; dengan andaian ceteris paribus.

Ujian Hipotesis pekali koefisien regresi:

H₀: $\beta_1 = 0$

H₁: $\beta_1 \neq 0$

Hipotesis null menyatakan bahawa tahun bersekolah berhubungan linear dengan pendapatan. Untuk menguji hipotesis, digunakan nilai

$$\begin{aligned} t \text{ statistik} &= 14.794 \\ n &= 120 \\ df &= (120-6) \\ &= (120-6) \\ &= 114 \end{aligned}$$

Pada aras keertian 0.05, nilai t kritikal yang diperoleh = 1.960, Disebabkan nilai t statistik lebih besar berbanding nilai t kritikal, maka hipotesis null ditolak. Jadual koefisien (Jadual 3) pula menunjukkan nilai pekali regresi bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dinilai. Dalam jadual tersebut, nilai Beta adalah mewakili pekali regresi bagi pemboleh ubah tak bersandar. Dapat dirumuskan bahawa penganggaran OLS menggunakan data 120 respondent, memberikan keputusan;

$$\begin{aligned} \text{In } Y_i &= \beta_0 + \beta_1 S_i + \beta_2 \text{EXP}_i + \beta_3 \text{EXP}_i^2 + \beta_4 D_1 + \beta_5 D_2 + \varepsilon \\ \text{In } Y_i &= 4.954 + 0.135 S_i + 0.097 \text{EXP}_i - 0.002 \text{EXP}_i^2 + 0.002 D_1 - 0.051 D_2 + \varepsilon \\ &\quad (14.794) \quad (7.178) \quad (4.354) \quad (-2.692) \quad (0.016) \quad (-0.275) \end{aligned}$$

Hasil regresi pada jadual menunjukkan kesemua pemboleh ubah aliran pendidikan (aliran sains, teknikal dan lain-lain) tidak memberi nilai yang signifikan dalam mempengaruhi upah. Ini menunjukkan aliran pendidikan tidak mempengaruhi kadar upah dan pendapatan yang diperolehi oleh seseorang individu apabila memasuki pasaran buruh.

Keputusan regresi menunjukkan hanya pemboleh ubah tahun persekolahan, pengalaman kerja dan pengalaman kuasa dua adalah signifikan dalam mempengaruhi kadar upah yang diterima oleh seseorang individu. Keputusan anggaran menunjukkan tambahan satu tahun persekolahan akan meningkatkan kadar upah sebanyak 14.45%. Koefisien untuk pemboleh ubah pengalaman kuasa dua yang negatif memberikan implikasi bahawa kadar upah akan berkurangan apabila pengalaman atau umur meningkat. Bagi semua pekerja yang terlibat dalam kajian ini, tambahan satu tahun pengalaman akan meningkatkan kadar upah sebanyak 10.19%. Hasil dapatan ini telah menyetujui andaian model persekolahan Mincer (1974).

Ujian untuk mengesan masalah multikolineariti:

Berdasarkan jadual koefisien (Jadual 2) di atas,

Diberi nilai VIF bagi pemboleh ubah bebas:

Tahun bersekolah	1.433
Pengalaman bekerja	9.226
Pengalaman bekerja yang dikuasaduakan	8.191
Aliran Sains	1.070
Aliran teknikal/lain2	1.035

Prinsip asas multikolineariti- Apabila VIF melebihi 10, masalah multikolineariti wujud. Maka, tidak terdapat masalah multikolineariti dalam semua pemboleh ubah yang dikaji kerana tidak melebihi 10. Masalah multikolineariti yang wujud (sekiranya ada) adalah disebabkan terdapat hubungan antara pemboleh ubah bebas. Walaupun terdapat masalah multikolineariti, tetapi penganggaran OLS masih menepati ciri-ciri BLUE. Oleh itu, tidak perlu berbuat apa-apa terhadap hasil yang diperolehi.

Ujian untuk mengesan masalah Heteroskedastisiti :

i) Menggunakan Ujian Breusch Pagan (BPT):

$H_0 : \sigma_0^2 = \sigma_1^2 = 0$ (tiada heteroskedastisiti)

$H_1 : \sigma_0^2 \neq \sigma_1^2 \neq 0$ (wujud heteroskedastisiti)

$$\text{BPG} = \frac{1}{2} (\text{ESS})$$

$$= \frac{1}{2} (21.442)$$

$$= 10.721$$

$$\chi^2_{\alpha (k-1)} = \chi^2_{0.05 (6-1)}$$

$$= 11.070$$

$$\text{Diperoleh, } \text{BPG} < \chi^2_{0.05, (6-1)}, 10.721 < 11.070$$

Oleh itu, tidak dapat tolak H_0 , masalah heteroskedastisiti tidak wujud.

Ujian untuk mengesan masalah Autokorelasi:

Hipotesis:

H₀: $\rho = 0$, tiada autokorelasi

H₁: $\rho \neq 0$, wujud autokorelasi

Diberi durbin-watson = 1.149

n = 120

$k^2 = k-1$ $d_L = 1.571$

= 5 $d_U = 1.750$

Diperoleh $d_L < dw < d_U$, $1.571 < dw < 1.750$

Berdasarkan hukum membuat keputusan,

Keputusan	Jika
Tolak hipotesis null	$0 < dw < d_L$
Tiada keputusan	$d_L < dw < d_U$
Tolak hipotesis null	$4 - d_L < dw < 4$
Tiada keputusan	$4 - d_U < dw < 4 - d_L$
Gagal tolak hipotesis null	$d_U < dw < 4 - d_U$

Oleh itu, tidak dapat membuat keputusan sama ada masalah autokorelasi wujud. (first order) Tambahan pula data yang digunakan ini bukanlah data *time-series*, oleh itu masalah autokorelasi tidak wujud.

Jadual 4 menunjukkan perkaitan antara model regresi yang telah dibina. Daripada output yang diperolehi, nilai F adalah 11.747 yang bernilai positif dan nilai Sig < 0.05 di mana ujian dilakukan pada paras keyakinan 95% atau aras keertian adalah 0.05. Dapatan kajian diringkaskan sebagai (F=11.747, p<0.05). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat perkaitan antara pemboleh ubah tak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar dalam model regresi tersebut iaitu hubungan yang signifikan.

RUMUSAN

Kesimpulannya, jenis dan aliran pendidikan tidak menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap pendapatan dan pulangan pendidikan terhadap seseorang individu.

H₀ : Tidak terdapat pengaruh antara aliran pendidikan dengan pendapatan	Diterima
H₁ : Terdapat pengaruh antara aliran pendidikan dengan pendapatan	Ditolak

Dari segi persepsi dan pandangan umum, individu yang pernah mengikuti aliran pendidikan sains tulen mempunyai peluang pekerjaan yang lebih baik dengan kadar upah yang lebih tinggi. Begitu juga dengan individu yang pernah mengikuti aliran pendidikan teknik. Kajian oleh Canning dan Martin (2002) umpamanya menyatakan pelajar yang mengikuti pendidikan teknik lebih berdaya maju dan cenderung untuk memperolehi pendapatan yang lebih tinggi berbanding aliran lain. Namun, terdapat pelbagai faktor lain yang turut mempengaruhi peluang pekerjaan dan kadar upah yang diterima oleh seseorang individu seperti kemahiran generik yang tinggi (i.e kemahiran komunikasi, kepimpinan etc), mempunyai pengalaman yang tinggi dan kemahiran yang spesifik yang diperlukan oleh majikan. Ramai di kalangan pekerja yang pernah mengikuti aliran sains sosial dan lain-lain aliran juga mempunyai pendapatan yang tinggi dan memperoleh pekerjaan yang baik disebabkan mempunyai nilai-nilai tambah yang diperlukan oleh majikan.

Disebabkan oleh responden kajian ini merupakan dari kalangan mereka yang mempunyai ijazah dan lepasan sekolah, kemungkinan hasil kajian yang diperolehi memberi nilai yang tidak signifikan terhadap pulangan terhadap pendidikan walaupun kebanyakan responden mempunyai kelulusan diploma dan ke atas (66%). Kemungkinan kajian ini boleh ditambah baik dengan menumpukan skop yang lebih spesifik iaitu mengambil sampel responden dari kalangan graduan universiti sahaja (yang mempunyai lepasan ijazah dan ke atas) untuk melihat samada aliran pendidikan yang diceburi mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pelaburan ke atas pendidikan.

RUJUKAN

- Psacharopoulos, G & Patrinos, H. A. 2002. Returns to Investment in Education: A Further Update. Policy Research Working Paper 2881, World Bank
- Mincer, J. 1974. Schooling, Experience and Earnings. National Bureau of Economic Research, New York.
- Malaysia. 2006. Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur
- Damodar N. Gujarati (2003), *Basic Econometrics*, McGraw Hill, Westpoint Military Academy
- Rahmah, I. dan Nanthakumar, L. (2007). "Analisis Kadar Pulangan Pendidikan di Malaysia". *Jurnal pendidikan* 32 (2007). 103-118.
- Psacharopoulos, G. 1994. Returns of investment in education: a global update. *World Development* 22(9): 1325-1343.
- Mohd Affendi Anuar & Zulkifli Osman (2012). Bukti Baru Inflasi Pendidikan Hasil Ketakpadanan Pekerjaan, ROSIDING PERKEM VII, JILID 2 (2012) 1254 – 1262
- Ishak Yussof. 2003. Pelaburan Pendidikan Tinggi: Analisis Perbandingan IPTA IPTS di Malaysia. *Jurnal Pendidikan*, 28: 33-46.
- Mary Canning & Martin Godfrey (2002) Higher Education Financing in the New EU Member States: Leveling the Playing Field, World Bank Working Paper, 112.
- Johnson, D. and R. Wilkins (2002), 'The net benefit to government of higher education: A 'balance sheet' approach', Working Paper no.5/2002, Melbourne Institute of Applied Economic and Social Research, University of Melbourne.
- Masood, S. A. dan Zakir, H. (2007). "Return to Education and Gender Differentials in Wages in Pakistan". *The Labore Journal of Economics* 12 : 2 (Winter 2007) pp. 49-68.
- Carnoy, M. (1995). Education and Productivity. In Carnoy, M. (Ed.). *International Encyclopedia of Education (IEE)*. 2 ed. (pp.125-130). Cambridge: Cambridge University Press.
- Levin, H. M. (1995). School Finance. In Carnoy, M (Ed.). *International Encyclopedia of Economics of Education (IEE)*. 2 University Press

JADUAL 1: Profil Responden

Profil	Bilangan	%
Umur		
Bawah 25 tahun	40	33.3
25- 34 tahun	62	51.7
35-44 tahun	14	11.7
Melebihi 45 tahun	4	3.3
Jantina		
Lelaki	68	56.7
Wanita	52	43.3
Kaum		
Melayu	99	82.5
Cina	13	10.8
India	6	5.0
Lain-lain	2	1.7

Bandar responden		
Shah alam	45	37.5
Klang	20	16.7
Bandar Baru Bangi	33	27.5
Kajang	14	11.7
Seri kembangan	8	6.7

Tahap Pendidikan Tertinggi		
PMR	9	7.5
SPM	32	26.7
STPM/Matrikulasi	4	3.3
Diploma	35	29.2
Ijazah dan ke atas	40	33.3
Aliran Pendidikan		
Sains Tulin	22	18.3
Sains Sosial	53	44.2
Teknikal	13	10.8
Lain-lain	32	26.7

JADUAL 2: Ringkasan Model
Model Summary^b

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Durbin-Watson
1	.587 ^a	.344	.321	.60154	1.149

a. Predictors: (Constant), teknikal2, years.school, EXP2, EXP

b. Dependent Variable: lnY

JADUAL 3 : Keputusan Penganggaran
Coefficients^a

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	95.0 % Confidence Interval for B		Collinearity Statistics	
	B	Std. Error	Beta			Lower Bound	Upper Bound	Tolerance	VIF
(Constant)	4.954	.335		14.794	.000	4.291	5.618		
years.school	.135	.019	.658	7.178	.000	.098	.173	.698	1.433
EXP	.097	.022	1.012	4.354	.000	.053	.142	.108	9.226
EXP2	-.002	.001	-.590	-2.692	.008	-.004	-.001	.122	8.191
sains	.002	.148	.001	.016	.988	-.290	.295	.934	1.070
teknikal2	-.051	.187	-.021	-.275	.784	-.423	.320	.966	1.035

a. Dependent Variable: lnY

NILAI R² 0.344

NILAI F 11.747

*signifikan pada $\alpha = 0.01$

** : Nilai pemboleh ubah f,v qkmmv tidak signifikan

Pengiraan pengaruh pemboleh ubah terhadap pendapatan

= (e^{nilai koefisien} - 1) x 100

JADUAL 4: ANOVA
ANOVA^a

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	21.442	5	4.288	11.747	.000 ^b
	Residual	40.889	112	.365		
	Total	62.331	117			

a. Dependent Variable: lnY

b. Predictors: (Constant), teknikal2, years.school, sains, EXP2, EXP